

3 jawatan penting MCA tak ditanding-Datuk Lee

Oleh JAMALUDIN BAKAR



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

3 Timbalan Menteri baru angkat sumpah

TIGA Timbalan Menteri yang baru dilantik, dari kanan: Timbalan Menteri Pertahanan, Abang A b u B a k a r Mustapha; Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Encik Abdul Kadir Thambi Chik dan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Encik Idris Raof, menandatangani surat sumpah masing-masing di istiadat mengangkat sumpah jawatan dan iaat setia serta sumpah menyimpan rahsia, di Istana Negara, Kuala Lumpur, petang semalam. — Gambar Berita Harian.

KUALA LUMPUR, Isnin — Presiden MCA, Datuk Lee San Choon, mengesahkan adanya persefahaman di kalangan pemimpin tertinggi parti itu bahawa jawatan Presiden, Timbalan Presiden dan Naib Presiden tidak ditandingi dalam Perhimpunan Agung MCA, September ini.

Bellau memberitahu demikian kepada Berita Harian petang ini apabila diminta mengulas kenyataan Naib Presidennya, Datuk Dr. Neo Yee Pan, yang menyatakan bellau tidak akan bertanding menentang Datuk Richard Ho untuk merebut jawatan Timbalan Presiden MCA atas nasihat Datuk Lee.

Datuk Lee berkata: "Saya ingin mengesahkan memang wujud persefahaman di kalangan pemimpin tertinggi MCA bahawa jawatan penting dalam parti tidak sepatutnya ditandingi untuk menjaga perpaduan parti."

"Persefahaman ini hanya dicapai di peringkat tertinggi sahaja, tetapi tidak keseluruhannya," katanya.

Dengan demikian kedudukan Datuk Richard Ho sebagai Timbalan Presiden MCA tidak akan terancam dalam pemilihan akan datang.

Kedudukan Datuk Richard Ho, yang juga Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, menjadi peribincangan hangat sejak kebelakangan ini kerana ada ura-ura bellau akan ditentang oleh salah seorang Naib Presiden MCA sekarang atau Pengerusi Perhubungan MCA Pulau Pinang, Encik Lim Kean Siew.

Desas desus ini menyebabkan Datuk Richard Ho mengumumkan hasratnya untuk meletakkan jawatan sebagai Pengerusi MCA Bahagian Lamut.

Tetapi, bellau kini ternyata dipilih tanpa bertanding untuk merebut jawatan tersebut.

Pemerhati politik mengangap lantikan Datuk Richard Ho itu sebagai muallhat politik bellau semata-mata untuk menyematkan kedudukannya.

Datuk Lee gembira dengan kenyataan yang dibuat oleh Datuk Dr. Neo mengenai keputusannya.

Datuk Dr. Neo, yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, berkata bellau patuh dengan kehendak pemimpin parti.

Pemerhati politik memaafkan bahawa dengan persefahaman tersebut, jelaslah MCA ingin memulihkan semula imejnya sebagai sebuah parti yang mengamalkan demokrasi.

Kemasukan bekas Timbalan Presiden parti, Datuk Michael Chen, dalam Parti Gerakan secara tidak langsung menjejaskan imej parti itu sendiri.

Bagaimanapun, Datuk Lee memberitahu, setakat ini pihaknya menerima tidak lebih dari 100 surat perletakan jawatan sebagai ahli MCA.

"Saya tidak tahu bagaimana mereka (Parti Gerakan) boleh mendakwa ramai ahli MCA menyertainya," tambahnya.